

## KPDNHEP Mukah pantau bekalan barang keperluan, tidak perlu buat pembelian panik

2020-03-15T14:59:46+08:00  
oleh Mohamad Achil Norrlatep



**MUKAH:** Pengguna di kawasan Mukah dan sekitarnya tidak perlu membuat pembelian panik dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah, Salihin Den (gambar) berkata, pihaknya sentiasa membuat pemantauan ke atas bekalan barangan keperluan.

"Tidak perlu 'panic buying' (pembelian panik), kami sentiasa memantau dan memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi di pasaran," katanya kepada Utusan Borneo.

Beliau ditanya mengenai keadaan di Mukah dan sekitarnya sama ada berlaku pembelian panik.

Bagaimanapun, beliau mengatakan setakat ini tiada laporan mengatakan tentang wujudnya hal itu.

- 1 , Mengenai satu kes tular di media sosial yang mengatakan ia pembelian panik, Salihin mengatakan ia bukan seperti yang difikirkan.

Sebaliknya, ia merupakan pasar raya berkenaan mengadakan jualan potongan harga dan menyebabkan pasar raya itu diserbu oleh pengguna.

Dalam situasi negara sedang dilanda COVID-19 pada ketika ini, pembelian panik mungkin boleh tercetus dengan banyak maklumat tular di media sosial walaupun ia belum disahkan sama ada benar atau palsu.

Kejadian pembelian panik bukanlah sesuatu yang aneh apabila sesebuah negara dilanda COVID-19 dan pernah berlaku di China dan negara jiran Singapura sebelum ini.

